

# G@id diminta sokong Impact

## Perdana Menteri harap landasan perangi keganasan siber berjalan lancar

Oleh Kadir Dikoh, Shamsul Azree Samshir dan Azrina Ahzan

**P**UTRAJAYA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi meminta Perikatan Global bagi Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) dan pembangunan (G@id), satu inisiatif baru Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) menyokong langkah Malaysia menubuhkan Institut Kerjasama Pelbagai Hala Antarabangsa Memerangi Keganasan Siber (Impact).

Perdana Menteri juga mahukan masyarakat global yang terbabit dalam ICT serta peserta G@id kembali ke negara ini untuk menghadiri Kongres Sedunia Mengenai Teknologi Maklumat 2008 (WCIT) di Malaysia bagi membincang lanjut mengenai pembangunan ICT.

Katanya, dengan penubuhan Impact, Malaysia berharap dapat merintis landasan membolehkan kera-

*"Usaha kita menjadi sia-sio jika tidak mengambil langkah tegas memerangi keganasan siber. Impact seperti G@id yang memerlukan sokongan semua pihak"*

**Abdullah Ahmad Badawi**  
Perdana Menteri

jaan bertukar nota dan idea dengan matlamat utama memerangi ancaman dunia siber.

"Usaha kita menjadi sia-sia jika tidak mengambil langkah tegas dan cepat memerangi keganasan siber. Impact lebih kurang sama seperti G@id yang memerlukan sokongan semua pihak," katanya melancarkan mesyuarat sulung G@id di Hotel Marriott Putrajaya di sini semalam.

Mesyuarat dua hari itu turut dihadiri Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Jamaluddin Jarjis dan Timbalan Setiausaha Agung PBB, Mark Malloch Brown.

Terdahulu, Malloch mengadakan perbincangan dengan Abdullah di hotel yang sama.


Penubuhan Impact diumumkan Perdana Menteri ketika menghadiri WCIT 2006 di Austin, Texas Mei lalu, bertujuan menyediakan platform bagi kerajaan dan industri bertukar-tukar idea dan berkongsi teknologi untuk memerangi keganasan siber

Inisiatif dibiayai dan disokong kerajaan seluruh dunia dan industri IT persendirian, menyediakan sokongan kecemasan terhadap serangan siber, terutama di bursa saham atau sistem penting yang lain.

Abdullah juga berkata, kegagalan sesebuah negara menguasai ICT dan inovasi yang berkaitan akan menyebabkannya tidak berkembang maju dan mundur.

Katanya, bagi kebanyakan negara membangun dan kurang membangun, kemiskinan kekal menjadi cabaran paling utama untuk ditangani tetapi sebaik boleh ditangani, matlamat pembangunan yang lain mudah dicapai.

Bagaimanapun katanya, amat me-



**PERANGI KEGANASAN:** Abdullah bersalaman dengan Malloch (kiri) sambil diperhatikan Jamaludin di Putrajaya, semalam.

nyedihkan bahawa mereka yang menikmati faedah ICT adalah yang mempunyai akses kepada teknologi itu tetapi ada negara yang terlalu miskin untuk mengambil peluang bagi pembangunan dalam sektor ICT.

Beliau berkata, perangkaan menunjukkan purata penembusan in-

ternet di negara maju 10 kali ganda lebih tinggi berbanding negara membangun pada permulaan abad ini dan jurang itu terus meluas.

Malah, katanya, walaupun negara membangun berupaya mempunyai kos infrastruktur tinggi yang dikaitkan dengan internet dan bentuk ICT lain, mereka berhadapan halangan

lain seperti kekurangan kandungan yang relevan, sokongan teknologi yang rendah dan bahasa Inggeris yang mendominasi internet.

"Kajian mendapati 90 peratus kandungan internet dalam bahasa Inggeris, tetapi sebilangan kecil penduduk dunia memahami bahasa ini," katanya.